**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAERAH (BPD)**
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

# KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUT HARGA : **UPD.PS.SH.06/2026** BERTARIKH: **27 APRIL 2026**

1. Tawaran adalah dipelawa bagi Kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI MALAYSIA (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB, SIJIL TARAF BUMIPUTERA OLEH PPK, SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)** dan masih **SAH** dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut :-

| GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN | BUTIRAN TAWARAN | TARIKH PENJUALAN DOKUMEN | TARIKH TUTUP TAWARAN | BAYARAN DOKUMEN |
|---|---|---|---|---|
| GRED<br>**G1**<br><br>KATEGORI<br>**CE**<br><br>PENGKHUSUSAN<br>**CE 21 & CE 34**<br><br>*** KEBENARAN KHAS DARIPADA CIDB TIDAK DIBENARKAN** | KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN BINA BARU LONGKANG SALIRAN DI KAMPUNG BATU, PADANG NYU, PAUH, PERLIS SERTA LAIN – LAIN KERJA YANG BERKAITAN | MULAI<br><br>**05 MEI 2026 (SELASA)**<br><br>HINGGA<br><br>**07 MEI 2026 (KHAMIS)**<br><br>DI<br><br>**KAUNTER BAHAGIAN PENTADBIRAN DAERAH (BPD), PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS** | **11 MEI 2026 (ISNIN)**<br><br>SEBELUM JAM **12.00 TENGAH HARI** | **RM 20.00**<br><br>SECARA TANPA TUNAI MELALUI PORTAL EBAYAR.<br><br>(WANG TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) |

2. Borang sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM 20.00** dan **diedarkan sepanjang tempoh iklan sebut harga** di Bahagian Pentadbiran Daerah, Aras 2, Blok A, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis pada waktu pejabat **mulai jam 9.00 pagi sehingga 4.30 petang**.

3. Pembelian sebut harga perlulah dibuat secara **TANPA TUNAI melalui portal ebayar.perlis.gov.my** kepada **Pejabat Setiausaha Kerjaan Negeri Perlis (Bahagian Pentadbiran Daerah)** mulai tarikh sebut harga dibuka. Salinan resit hendaklah dikemukakan semasa pengambilan dokumen di Bahagian Pentadbiran Daerah. **Tiada bayaran yang diterima secara tunai dan wang tidak akan dikembalikan.**

4. Hanya satu (1) dokumen sebut harga sahaja yang dikeluarkan kepada setiap penyebut harga. Sila bawa bersama cop rasmi syarikat dan sijil **DOKUMEN ASAL** berkaitan semasa mendapatkan borang sebut harga. Borang sebut harga hanya akan diedarkan kepada penyebut harga yang mematuhi syarat sebut harga sahaja.

5. Semua maklumat yang dinyatakan di dalam sebut harga wajib dilengkapkan. Dokumen sebut harga yang tidak lengkap tidak akan diproses.

6. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis No. Sebut harga di sebelah kiri sampul dan ditengahnya ditulis tajuk sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut harga di **Bahagian Pentadbiran Daerah (BPD), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Aras 2, Blok A Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis** tidak lewat dari jam **12.00 TENGAH HARI PADA 11 MEI 2026 (ISNIN).** Sebut harga yang dihantar melebihi jam **12.00 TENGAH HARI** akan **DITOLAK**.

7. Permohonan-permohonan dan pengambilan borang yang lewat daripada tarikh disebutkan di atas tidak akan dilayan.

8. Pentadbiran ini tidak terikat menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran. Pentadbiran ini juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN**
**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAERAH (BPD)**
**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAERAH * PERLIS *

# PANDUAN PROSES PEMBAYARAN MELALUI EBAYAR PERLIS

1. Masuk **eBayar Perlis** ⟶ Pilih **Bahagian Pentadbiran Daerah**






2. Pilih **Bayaran Borang Sebutharga/Tender**




3. Masukkan **Amaun, Nama Syarikat, No Daftar Syarikat, No Telefon serta Alamat Email Syarikat**



4. Klik **Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat yang diberi adalah benar dan besetuju dengan** terma & syarat **dan** dasar privasi




5. Klik **Teruskan ke Pembayaran RM …….**



6. Klik **Perbankan Internet (Individu)** ⟶ Masukkan **Catatan Bayaran Sebutharga UPD.Ps SH.....** ⟶ klik **Dengan memilih mod pembayaran ini , anda bersetuju dengan terma dan syarat FPX** ⟶ Pilih **Bank Syarikat/ Individu** ⟶ klik **Pembayaran**




7. Klik **Bayar**



8. Masukkan **User ID** dan **Password** Perbankan Online Syarikat/ Individu




9. Masuk dalam **Aplikasi Perbankan Online Syarikat/Individu** → klik **Approve** dalam **Secure Bank Syarikat/Individu**



10. Masuk dalam **eBayar Perlis** ⟶ klik **Confirm Transaction**




11. Klik **Cetak** untuk Cetak Resit Pembayaran

